

19 FEB 1988

MASYARAKAT BERDISIPLIN



HANGAT BERDEBAT: Encik Johari (kanan sekali) cuba menenangkan pengerusi mesyuarat, Haji Abdul Rahim, yang sedang mengutarakan pandangannya dalam mesyuarat agung Persisi yang turut dihadiri oleh Encik Ibrahim Othman (kiri sekali).

'Bersatu, hapuskan perasaan iri hati'

19 FEB 1988

Ibrahim: Tugas utama Persisi tingkatkan silat

PENCARI SILAT
PARA anggota Persekutuan Silat Singapura (Persisi) digesa bersatu padu dan menghapuskan perasaan iri hati demi masa depan silat di negara ini.

Presiden Persisi yang baru dilantik, Encik Ibrahim Othman, yang juga Anggota Parlimen Tanah Merah membuat gesaan tersebut di akhir Mesyuarat Agung Tahunan Persisi yang diadakan kelmarin di Rumah Silat, Kallang.

Encik Ibrahim yang menyaksikan kehangatan perbincangan selama lebih dua jam setengah itu berkata: "Tugas utama kita bukan untuk nama dan memenuhkan ego individu, tetapi meningkatkan taraf pencak silat di Singapura."

Beliau menarik perhatian

banyak yang harus dilakukan secara individu, pertubuhan di semua peringkat dalam usaha memperluaskan, memperkembangkan dan mempertingkatkan seni itu.

Oleh yang demikian perpaduan dan kerjasama di antara anggota adalah penting.

Usaha itu kian mencabar, menurut beliau, memandangkan kian ramai anak muda Melayu yang menceburi bidang mempertahankan diri yang lain daripada silat Melayu.

"Ini tidak salah, tetapi alangkah baiknya sekiranya kita memulakan dengan sesuatu yang dimiliki oleh masyarakat Melayu seperti silat dan kemudian memperluaskannya pada bidang yang lain," kata Encik

Ibrahim.

Pengiktirafan yang diberi oleh badan-badan sukan seperti Majlis Sukan Singapura (SSC) dan Majlis Olimpik Nasional Singapura (SNOC) terhadap silat, menurut beliau, harus dijadikan pendorong bagi usaha meninggikan silat di kalangan peminatnya.

Usaha ini tidak harus terbatas kepada masyarakat Melayu kerana masyarakat bukan Melayu harus didedahkan pada seni ini, katanya.

Beliau berkata, satu mesyuarat akan diadakan di antara anggota pucuk pimpinan baru bagi melakar dan menentukan arah Persisi serta kegiatan yang bakal dianjurkan sepanjang dua tahun ini.

→